

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATO' MANSOR BIN  
OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016**

**SOALAN :**

**YB Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ] minta PERDANA  
MENTERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang meneruskan hasrat  
untuk menyaman WSJ (Wall Street Journal) yang dikatakan membuat  
laporan palsu dan memfitnah YAB. Perdana Menteri dan Kerajaan  
Malaysia mengenai isu 1MDB.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Pejabat YAB Perdana Menteri sentiasa mengikuti segala laporan media berkaitan Kerajaan terutama mengenai YAB Perdana Menteri. Ini bertujuan memastikan laporan media di era keterbukan ini adalah tepat, betul dan adil agar tidak menimbulkan kebimbangan awam dan persepsi salah kepada Kerajaan dan YAB Perdana Menteri. Sebarang tindakan terhadap media antarabangsa yang memburukkan nama dan imej Perdana Menteri akan dibuat sekiranya timbul keperluan untuk berbuat demikian.

Sekian, terima kasih.